

23/09/1998

Haniff pernah dedah salah laku

Ebi Azly Abdullah

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendedahkan, beliau pernah dimaklumkan mengenai kegiatan homoseksual Datuk Seri Anwar Ibrahim beberapa tahun lalu oleh bekas Ketua Polis Negara, Tun Haniff Omar.

Menurut Perdana Menteri, Haniff memaklumkan kepadanya mengenai perkara itu sebelum bersara. Bagaimanapun beliau menolaknya kerana menganggap ia dakwaan palsu.

"Ia berlaku beberapa tahun lalu, dan saya memilih untuk tidak mempercayainya kerana adalah sukar mempercayai dakwaan seperti itu terhadap seorang lelaki yang alim," katanya pada sidang akhbar selama hampir sejam di Jabatan Perdana Menteri, petang ini.

Perdana Menteri menjelaskan, beliau kemudiannya diberitahu mengenai salah laku Anwar tahun lalu tetapi diketepikannya, kerana menganggap ia timbul kerana perasaan cemburu terhadap 'seorang yang akan menjadi pemimpin parti'.

Bagaimanapun, beliau akhirnya mempercayai tuduhan berkenaan selepas menemubual sendiri saksi yang mendakwa mereka diliwat dan wanita yang mempunyai hubungan seks dengan Anwar.

"Saya sebenarnya sudah menemubual orang yang kena liwat, wanita yang mempunyai hubungan seks dengan Anwar dan pemandu yang membawa wanita itu ke tempat berkenaan.

"Ia diberitahu kepada saya tanpa kehadiran polis atau sesiapa pun, dan saya memberitahu mereka, 'jika anda dipaksa untuk membuat pengakuan, beritahu saya. Saya akan melindungi anda semua'.

"Tetapi mereka tidak dipaksa polis. Kita mengatakan perkara sebenarnya, dan ada juga saksi yang berkata, Anwar tidak sesuai menjadi pemimpin (negara ini)," katanya.

Perdana Menteri mengaku memang sukar untuk menjelaskan perkara sebenarnya kepada rakyat dan ia juga sukar dilakukan oleh ahli Umno yang lain.

Dr Mahathir juga berkata, Anwar bersungguh-sungguh membantah apabila polis menahan adik angkatnya, Sukma Darmawan untuk disoal siasat bagi membantu siasatan berhubung buku '50 Dalil Kenapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM'.

Beliau berkata, polis memberitahunya bahawa Anwar menggunakan pengaruhnya sebagai Timbalan Perdana Menteri, untuk menghalang polis menjalankan siasatan terhadap dakwaan yang terkandung dalam buku itu.

Mengenai nasib Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi yang ditahan polis mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) semalam, beliau yang juga Presiden Umno berkata, perkara itu diserahkan kepada parti.

"Itu akan ditentukan oleh parti. Saya tidak membuat keputusan secara persendirian," katanya sambil menambah, polis menahan Zahid kerana pembabitannya dalam perhimpunan haram.

(END)